

NO SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH
(SABAK BERNAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2018

Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikutip oleh Kerajaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara semenjak GST diperkenalkan pada 1 April 2015 hingga terkini dan nyatakan jumlah Cukai GST yang telah dipulangkan kerajaan kepada PBT serta nyatakan langkah Kerajaan bagi memberikan pelepasan Cukai GST kepada PBT bagi mengurangkan perbelanjaan rakyat dan PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari 1 April 2015

sehingga 27 Februari 2018, amaun GST yang telah dikenakan dan dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara adalah sebanyak RM199 juta. Di dalam tempoh sama, PBT juga telah membayar GST sebanyak RM549 juta ke atas perolehannya. Selaras dengan kemudahan untuk menuntut kredit cukai input di bawah GST, PBT layak menuntut kembali perbezaan di antara cukai *output* iaitu jumlah kutipan GST dengan cukai *input* yang telah dibayar ke atas perolehannya.

Bermula 1 Oktober 2018, semua pembekalan yang dibuat oleh PBT telah ditetapkan sebagai pembekalan di luar skop GST seperti diumumkan di dalam Bajet 2018. Dengan itu PBT tidak akan mengenakan sebarang GST ke atas perkhidmatan yang disediakan olehnya dan pengguna tidak lagi terkesan dengan GST ke atas perkhidmatan PBT.